

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah persempadanan maritim baru yang telah dilaksanakan oleh TLDM baru-baru ini telah mengambil kira persetujuan daripada 7 negara jiran yang bermasalah termasuk negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) tidak pernah membuat persempadanan maritim yang baru. Untuk makluman, penentuan sempadan maritim negara dilaksanakan melalui proses rundingan dengan negara jiran oleh Jawatankuasa Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim yang diketuai oleh Kementerian Luar Negeri. Jawatankuasa Teknikal ini turut dianggotai oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Pusat Hidrografi Nasional TLDM - Kementerian Pertahanan, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia dan beberapa agensi lain yang berkepentingan.

Sehingga kini persempadanan maritim negara yang rasmi masih merujuk kepada Peta Menunjukkan Sempadan Perairan dan Pelantar Benua Malaysia 1979 yang diwartakan pada 21 Disember 1979. Peta ini juga digunakan sebagai rujukan dalam memelihara kedaulatan maritim negara dan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Peta ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa dengan memasukkan garisan sempadan maritim yang telah dimuktamadkan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran.

Rundingan pembatasan maritim dengan negara jiran masih berlangsung melibatkan beberapa segmen yang masih belum selesai. Jawatankuasa Teknikal Pembatasan Sempadan Maritim akan mencari jalan penyelesaian yang tuntas bagi memastikan kepentingan negara dalam isu persempadanan maritim tidak terjejas. Namun, perlu juga diakui bahawa proses ini memerlukan masa, komitmen dan kesabaran demi mendapatkan solusi yang disepakati secara bersama.